

Wawasan 2020 perancangan patriotik untuk menguat, memajukan Malaysia

UM 27 OCT 2002

BANGI 26 Okt. — Wawasan 2020 merupakan perancangan patriotik kerajaan untuk memberi kekuatan serta kemajuan kepada Malaysia dan mengelak negara dari dijajah semula dalam apa jua bentuk, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, selaras dengan matlamat Wawasan 2020, rakyat perlu mempunyai kesedaran untuk mempertahankan negara dan semangat tersebut lahir daripada patriotisme.

Katanya, apabila rakyat mempunyai perasaan sayangkan negara, mereka akan memastikan negara ini aman dan dapat dimajukan sehingga mencapai tahap negara maju.

“Sebab itulah kita rancang Wawasan 2020, bukan saja hendak berbangga kita telah mencapai negara maju tetapi hendak mempertahankan kebebasan dan kemerdekaan negara kita.

“Wawasan 2020 merupakan perancangan patriotik untuk negara kita dan asasnya ialah patriotisme.

“Kita hendak jadikan negara ini maju sama seperti negara maju yang lain bukan untuk menjajah dan melawan orang lain tetapi untuk mempertahankan negara sebagai bangsa yang mempunyai patriotisme,” tegas Perdana Menteri.

Beliau berkata demikian semasa berucap pada Kongres Patriotisme Negara anjuran Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Biro Tatanegara (BTN) di sini hari ini.

Bagaimanapun, menurut beliau, pada masa yang sama rakyat mesti mempunyai kesedaran dan kefahaman mengenai semangat patriotisme dan bukan sekadar menerapkannya semata-mata.

Perdana Menteri turut mengingatkan bahawa apabila negara telah mencapai kemerdekaan, bukan bermakna ia akan kekal selama-lamanya.

Katanya, negara penjajah sentiasa berhasrat membuat percubaan untuk menjajah sekali lagi.

Negara-negara penjajah di Eropah, kata beliau, akan sentiasa mencari kesempatan untuk

menjajah negara lemah dalam bentuk yang lain seperti kuasa ekonomi yang jauh lebih kuat berbanding kuasa tentera.

Dr. Mahathir berkata, dengan cara memiskinkan dunia, negara Barat akan mudah menguasai negara lemah dan dunia keseluruhannya.

“Saya bukan hendak gemparkan orang supaya takut, mempunyai semangat patriotik dan sayangkan negara tetapi inilah hakikatnya yang berlaku sekarang.

“Barat hendak menjajah semula kita dan dunia. Mereka tidak senang hati melihat bangsa lain maju,” kata Perdana Menteri.

Katanya, sebagai contoh perbuatan negara Barat yang sengaja memiskinkan negara tertentu bertujuan untuk melemahkan negara yang akhirnya tunduk kepada mereka.

Katanya, semasa krisis kewangan pada 1997 banyak negara terpaksa meminta bantuan daripada Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) selepas mata wang mereka dijatuhkan nilainya.

Beliau berkata, ini memaksa negara berkenaan membuat pinjaman dengan syarat tertentu bagi membolehkan negara terbit diberi bantuan.

Dalam ucapannya yang memakan masa selama dua jam itu, Perdana Menteri turut mengimbau bagaimana negara Barat campur tangan di negara tertentu dan akhirnya menjajah negara berkenaan.

Bagaimanapun selepas menguasai kemahiran tertentu seperti ilmu pelayaran, rakyat negara Barat mula sampai ke wilayah wilayah terbabit untuk campur tangan seterusnya memerintah mengikut cara mereka.

Katanya, mereka juga kemudiannya membahagi-bahagikan negara berkenaan mengikut sempadan yang ditetapkan.

Malaysia, kata beliau, turut tidak terkecuali dengan taktik berkenaan yang diperkenalkan oleh pemerintahan British dan orang-orang Melayu ketika itu hanya taat kepada raja dan negeri masing-masing.